



**Bar Malaysia
Malaysian Bar**

www.malaysianbar.org.my

15 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 271/2017
Dated 28 Nov 2017**

To Members of the Malaysian Bar

Arahan Amalan Pengerusi PKCP Bil 1, 2 dan 3 Tahun 2017

The Chairman of the Special Commissioners of Income Tax (Pengerusi, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Malaysia (“PKCP”)), Dato’ Mohd Radzi bin Harun, has extended to us copies of:

- (1) Arahan Amalan Pengerusi PKCP Bil 1 Tahun 2017 entitled “Waktu Bersidang Mahkamah PKCP”, dated 3 Nov 2017, pertaining to the sitting hours for the PKCP court;
- (2) Arahan Amalan Pengerusi PKCP Bil 2 Tahun 2017 entitled “Pemberhentian Pemfailan Petisyen Rayuan dan Balasan”, dated 3 Nov 2017, pertaining to the cessation of the requirement of filing of appeal petition and reply; and
- (3) Arahan Amalan Pengerusi PKCP Bil 3 Tahun 2017 entitled “Pengemukakan Penghujahan Bertulis”, dated 3 Nov 2017, pertaining to the submission of written submissions.

Please be informed that the abovementioned Arahan Amalan Pengerusi PKCP Bil 1, 2 and 3 Tahun 2017, which are attached for your reference, will take effect on **1 Jan 2018 (Monday)**.

Thank you.

**Roger Chan Weng Keng
Secretary
Malaysian Bar**



PEJABAT PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
ARAS 1, BLOK SELATAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 3798/3799
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-88823964
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Rujukan: MOF.100-19/1/1(48)

Semua Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua Peguambela dan Peguamcara, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

Semua Agen Cukai, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

**Semua Perayu bagi kes yang difailkan di Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai
Pendapatan Malaysia**

Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN PENGERUSI PKCP BIL. 1 TAHUN 2017
WAKTU BERSIDANG MAHKAMAH PKCP**

1. Pendahuluan

Arahan ini dibuat selaras dengan peruntukan yang berkaitan di bawah undang-undang yang terpakai berkenaan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Malaysia ("PKCP"), termasuklah perenggan 22 Jadual Lima, Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

2. Tujuan

Arahan ini terpakai untuk semua kes rayuan yang difailkan di Pejabat PKCP dan Arahan ini bertujuan untuk –

- (a) mempercepatkan pelupusan rayuan; dan
- (b) mempermudah tatacara pengurusan masa sesuatu sebutan dan bicara.

3. Waktu bersidang Mahkamah PKCP

Adalah dengan ini ditetapkan bahawa waktu bersidang bagi Mahkamah PKCP adalah seperti berikut:

Tempat Bersidang	Hari	Waktu	Perkara
Mahkamah PKCP Putrajaya dan Mahkamah PKCP yang ditetapkan	Isnin - Jumaat	9.00 pagi – 9.30 pagi	Pengurusan Kes antara Perayu dan Responden dengan Kerani Mahkamah PKCP
Mahkamah PKCP Putrajaya dan Mahkamah PKCP yang ditetapkan	Isnin - Jumaat	9.30 pagi – 10.30 pagi	Sebutan Kes
Mahkamah PKCP Putrajaya dan Mahkamah PKCP yang ditetapkan	Isnin - Jumaat	10.30 pagi - Selesai	Bicara Kes

Pengerusi PKCP boleh mengarahkan waktu bersidang Mahkamah PKCP seperti ditetapkan di atas diubah dari semasa ke semasa, terutamanya bagi memastikan pelaksanaan keadilan kepada semua pihak.


4. Pemakaian

Arahan ini akan terpakai bagi semua kes rayuan di hadapan PKCP yang dipanggil untuk pengurusan kes, sebutan kes dan bicara kes mulai 1 Januari 2018.

5. Tarikh kuat kuasa

Arahan Amalan ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018

Diperbuat pada ...³..... November 2017.


(DATO' MOHD RADZI BIN HARUN)
Pengerusi
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
Malaysia

Senarai Edaran:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 11
Persiaran Rimba Permai Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: Encik Abu Tariq Bin Jamaluddin)



Encik Steven Thiru
Presiden Majlis Peguam Malaysia
No 15, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Dato' Hj. Abd Aziz Bin Abu Bakar
Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia
27-1 Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link,
Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Salinan:

YBhg Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali
Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya



PEJABAT PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
ARAS 1, BLOK SELATAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 3798/3799
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-88823964
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Rujukan: MOF.100-19/1/1(46)

Semua Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua Peguambela dan Peguamcara, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

Semua Ejen Cukai Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

Semua Perayu bagi kes yang difailkan di Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN PENERUSI PKCP BIL. 2 TAHUN 2017
PEMBERHENTIAN PEMFAILAN PETISYEN RAYUAN DAN BALASAN**

1. Pendahuluan

Arahan ini dibuat selaras dengan peruntukan yang berkaitan di bawah undang-undang yang terpakai berkenaan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Malaysia ("PKCP"), termasuklah perenggan 22 Jadual Lima, Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

2. Tujuan

Arahan ini terpakai untuk semua kes rayuan yang difailkan di Pejabat PKCP dan Arahan ini bertujuan untuk –

- (a) mempercepatkan pelupusan rayuan; dan
- (b) mempermudah tatacara pengurusan kes, terutamanya kepada Perayu yang tidak diwakili peguam ataupun ejen cukai.

3. Latar belakang

- 3.1 Bagi mengawal selia tatacara perbicaraan rayuan kes oleh PKCP, pada tahun 2011 Pengerusi PKCP telah mengeluarkan arahan kepada Perayu dan Responden supaya memfailkan Petisyen Rayuan dan Balasan.
- 3.2 Arahan tersebut diberikan semasa pengurusan sesuatu kes dengan ketetapan tempoh masa tertentu bagi pemfailan Petisyen Rayuan dan Balasan.
- 3.3 Walau bagaimanapun sejak kebelakangan ini, adalah diperhatikan kehendak pemfailan Petisyen Rayuan dan Balasan ini telah melambatkan pelupusan rayuan. Ini terutamanya disebabkan kegagalan pihak Perayu dan Responden memfailkan Petisyen Rayuan dan Balasan, serta memohon penganjutan masa bagi pemfailan dokumen tersebut. Keadaan ini mengganggu proses pelupusan kes.
- 3.4 Kehendak pemfailan Petisyen Rayuan dan Balasan ini juga didapati membebankan Perayu yang tidak diwakili peguam atau ejen cukai. Ini boleh menjejaskan pelaksanaan keadilan.


4. Pemakaian

- 4.1 Berdasarkan segala perkara yang disebutkan di atas, adalah dengan ini diputuskan bahawa kehendak untuk memfailkan Petisyen Rayuan dan Balasan adalah diberhentikan.
- 4.2 Pemberhentian arahan pemfailan Petisyen Rayuan dan Balasan ini terpakai ke atas semua rayuan di hadapan PKCP yang dipanggil untuk pengurusan kes mulai 1 Januari 2018.
- 4.3 Bagaimanapun, Pengerusi PKCP boleh mengarahkan mana-mana pihak untuk memfailkan apa-apa dokumen dan petisyen tambahan dari semasa ke semasa, terutamanya bagi memastikan pelaksanaan keadilan kepada semua pihak.

5. Tarikh kuat kuasa

Arahan ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Diperbuat pada November 2017.



.....
(DATO' MOHD RADZI BIN HARUN)
Pengerusi
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Senarai Edaran:


Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 11
Persiaran Rimba Permai Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: **Encik Abu Tariq bin Jamaluddin**)



Encik Steven Thiru
Presiden Majlis Peguam Malaysia
No 15, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur



Dato' Hj. Abd Aziz bin Abu Bakar
Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia
27-1 Blok 1d, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link
Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Wangsa Maju
Kuala Lumpur



20171114-003

Salinan:

YBhg Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali
Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya



PEJABAT PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
ARAS 1, BLOK SELATAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 3798/3799
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-88823964
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Rujukan: MOF.100-19/1/1(47)

Semua Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua Peguambela dan Peguamcara, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

Semua Ejen Cukai Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

Semua Perayu bagi kes yang difailkan di Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN PENERUSI PKCP BIL. 3 TAHUN 2017
PENGEMUKAAN PENGHUJAHAN BERTULIS**

1. Pendahuluan

Arahan ini dibuat selaras dengan peruntukan yang berkaitan di bawah undang-undang yang terpakai berkenaan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Malaysia ("PKCP"), termasuklah perenggan 22 Jadual Lima, Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

2. Tujuan

Arahan ini terpakai untuk semua kes rayuan yang difailkan di Pejabat PKCP dan Arahan ini bertujuan untuk –

- (a) mempercepatkan pelupusan rayuan; dan
- (b) memperkemaskan lagi prosedur pengemukaan penghujahan bertulis.

3. Tarikh dan tempoh pengemukaan Penghujahan Bertulis

- 3.1 PKCP boleh menetapkan apa-apa tarikh yang sesuai dan munasabah bagi Perayu dan Responden dalam sesuatu kes rayuan yang difailkan di Pejabat PKCP mengemukakan Penghujahan Bertulis atau penghujahan secara lisan.

- 3.2 Semasa menetapkan tarikh bagi pemfailan Penghujahan Bertulis, PKCP bolehlah mengambil kira tempoh yang berikut-
- (a) Penghujahan Bertulis Utama Perayu dan Responden : dalam tempoh tidak kurang dua (2) bulan dari tarikh PKCP memberi arahan; dan
 - (b) Penghujahan Bertulis Balasan Perayu dan Responden : dalam tempoh tidak kurang satu (1) bulan selepas tarikh yang ditetapkan untuk pemfailan Penghujahan Bertulis Utama; atau
 - (c) apa-apa tempoh yang kurang daripada tempoh yang dinyatakan di butiran (a) dan (b) yang dipersetujui oleh Perayu dan Responden.
- 3.3 Penghujahan Bertulis Utama dan Penghujahan Bertulis Balasan hendaklah difailkan secara serentak oleh Perayu dan Responden pada atau sebelum tarikh pemfailan yang telah ditetapkan.
- 3.4 Tempoh pemfailan Penghujahan Bertulis Utama dan Penghujahan Bertulis Balasan yang telah ditetapkan oleh PKCP hendaklah dipatuhi oleh Perayu dan Responden.
- 3.5 Tiada permohonan lanjutan bagi tempoh pemfailan Penghujahan Bertulis Utama dan Penghujahan Bertulis Balasan boleh dibenarkan oleh PKCP, kecuali dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh Pengerusi PKCP dan semata-mata untuk memastikan pelaksanaan keadilan.

4. Penghujahan Secara Lisan

- 4.1 PKCP boleh, jika perlu, mengarahkan Perayu dan Responden membuat penghujahan lisan pada bila-bila masa selepas penghujahan bertulis difailkan.
- 4.2 Jika PKCP mengarahkan penghujahan lisan dibuat oleh mana-mana pihak, satu tarikh penghujahan lisan akan ditetapkan.

5. Kesan ketakpatuhan

Mana-mana pihak yang gagal mematuhi kehendak perenggan 3 dan 4 di atas akan dianggap tidak ingin mengemukakan sebarang penghujahan bagi kesnya dan keputusan akan dibuat sewajarnya.

6. Warna

Bagi tujuan memudahkan pengenalan penghujahan bertulis yang difailkan, **muka kulit luar** Penghujahan Bertulis yang dikemukakan ke Pejabat PKCP hendaklah menggunakan warna berikut:

- (a) Penghujahan Bertulis Utama Perayu : merah;
- (b) Penghujahan Bertulis Utama Responden : biru;
- (c) Penghujahan Bertulis Balasan Perayu : hijau;
- (d) Penghujahan Bertulis Balasan Responden : oren.

Pemakaian

Arahan ini akan terpakai bagi semua kes rayuan di hadapan PKCP yang dipanggil untuk pengurusan kes, sebutan kes dan bicara kes mulai 1 Januari 2018.

Tarikh Kuat Kuasa

Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Diperbuat pada³ November 2017.



.....
(**DATO' MOHD RADZI BIN HARUN**)

Pengerusi

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Senarai Edaran:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 11
Persiaran Rimba Permai Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan.
(u.p.: **Encik Abu Tariq Bin Jamaluddin**)



Encik Steven Thiru
Presiden Majlis Peguam Malaysia
No 15, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Dato' Hj.Abd Aziz Bin Abu Bakar
Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia
27-1 Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link,
Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Salinan:

YBhg Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali
Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya